



BAS sekolah melalui kawasan banjir berhampiran Plaza Tol Sungai Rasau.



KESESAKAN di Plaza Tol Sungai Rasau berikutan banjir melanda kawasan Sungai Rasau, semalam.

Shah Alam, Klang banjir kilat

Hujan enam jam sejak awal pagi tenggelamkan beberapa kawasan

Oleh Raja Puteri Nabiha Raja Ayub, Nur Lela Zulkipli dan Syahmi Abd Wahab
am@mediaprima.com.my
Klang

Hujan lebat lebih enam jam sejak awal pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan di bandar ini dan Shah Alam ditenggelami air. Antara kawasan dinaiki air ialah Taman Tengku Ben-

dahara Azman dan Lorong Chenai di Pelabuhan Klang serta Kem Rimba, Padang Jawa manakala laluan pengguna motosikal berhampiran Jalan Batu Tiga di Shah Alam juga turut ditenggelami air.

Banjir kilat yang kali kedua berlaku dalam tempoh kurang seminggu itu dipercayai kerana sistem perparitan yang tersumbat akibat tidak mampu menampung takungan air ketika hujan lebat.

Seorang penduduk di Taman Tengku Bendahara Azman, Mohd Amin Husin, 52, berkata, kawasan perumahan berkenaan sering dinaiki air setiap kali hujan lebat.

"Air naik dengan cepat hingga menenggelamkan kebanyakan perabot dan peralatan elektrik dalam ru-

mah," katanya, semalam.

Beliau berkata, akibat rumah sering dinaiki air, dia terpaksa membina benteng di pintu depan rumah untuk mengelakkan air memasuki rumah.

"Bagaimanapun, apabila hujan terlalu lebat, air tetap masuk melalui pintu belakang mengakibatkan harta benda saya rosak," katanya.

Seorang pemilik kedai alat ganti di Kem Rimba, Padang Jawa, Koh Chin Hock, 55, berkata, dia hanya mengetahui kedainya dimasuki air selepas datang untuk membuka perniagaan bersama anaknya jam 8.30 pagi.


"Saya dan anak terpaksa menunggu sehingga air surut kira-kira jam 12.30 tengah hari sebelum mula mengemas dan membersihkan kedai," katanya.



TAPAK parkir kereta Stadium Shah Alam turut dilanda banjir kilat selepas hujan lebat.



MOHD Amin membina benteng antara bilik dapur dan bahagian rumah yang lain bagi menghalang kemasukan air berikutan hujan lebat dan banjir kilat di Taman Tengku Bendahara Azman.



LONGKANG yang dipenuhi sampah di Taman Tengku Bendahara Azman, Klang.